

30 DEC 1996

Mohamed-banjir

OPERASI CARI MANGSA RIBUT GREG DITERUSKAN HINGGA MANGSA AKHIR DIJUMPAI

KUALA LUMPUR, 30 Dis (Bernama) -- Operasi mencari dan menyelamatkan mangsa ribut tropika Greg yang melanda Sabah, Khamis lepas, akan diteruskan sehingga mangsa akhir yang dilaporkan hilang, ditemui.

Pengerusi Jawatankuasa Bencana Alam Negara Datuk Mohamed Rahmat berkata sehingga pukul 8 pagi ini, 163 orang disahkan mati manakala 104 lagi masih hilang.

Sebanyak 2,014 mangsa yang selamat, kini ditempatkan di pusat-pusat pemindahan di Keningau, Kota Kinablu, Beaufort dan Tenom, katanya kepada pemberita selepas mengiringi Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad membuat rakaman ucapan Selamat Tahun Baru di Angkasapuri hari ini.

Beliau berkata operasi mencari mungkin mengambil masa lama jika mayat tertimbus di dalam lumpur atau dibawa jauh oleh arus sungai.

"Pasukan mencari ada yang menjumpai mayat kira-kira 40 km dari tempat kejadian," katanya.

Mohamed berkata beliau telah meminta polis Sabah menggunakan anjing pengesanan bagi memudahkan usaha mencari dan menyelamatkan itu.

Beliau juga berkata kerajaan negeri Sabah telah diminta menyediakan tapak-tapak perkuburan bagi mudah dan mempercepatkan urusan pengkebumian.

Waris-waris mangsa rakyat Indonesia yang berasal dari Sulawesi Selatan telahpun menyatakan bahawa mereka mahu urusan pengkebumian keluarga mereka dibuat di Keningau dan bukan di tempat asal mereka.

Ketika ditanya apakah kerajaan Indonesia telah menyampaikan bantuan memandangkan ramai rakyatnya terbabit dalam kejadian itu, beliau berkata: "Belum lagi."

Beliau juga berkata kerajaan Jepun difahamkan akan menyumbangkan RM250,000 kepada kerajaan Sabah hari ini sebagai tambahan kepada bantuan yang diberikan kepada mangsa ribut itu sebelum ini yang berupa 2,250 selimut dan 90 buah khemah.

Katanya, setakat ini, kerajaan pusat telahpun menyumbangkan RM100,000 daripada Tabung Bencana Alam bagi membantu mangsa terbabit.

"Sumbangan itu merupakan sumbangan awal dan akan ditambah mengikut keperluan," katanya.

Mengenai bantuan kepada setiap mangsa, beliau berkata Jabatan Kebajikan Masyarakat sedang mengenalpasti jumlah kerugian yang dialami mangsa.

Sebelum itu, Dr Mahathir menerima kad ucapan Selamat Tahun Baru daripada anak-anak kakitangan kementerian selepas membuat rakaman ucapan Tahun Baru 1997 di RTM.

Mohamad berkata tujuan penyampaian kad ucapan itu ialah bagi melahirkan rasa sayang anak-anak kepada pemimpin negara di samping mengenali dari dekat Perdana Menteri.

-- BERNAMA

NZ AHH